

HUKUM MELAKSANAKAN AKIKAH BAGI ORANG YANG TELAH MENINGGAL DUNIA

Perkataan akikah (عقيقة) berasal daripada perkataan *al-'aqqu* (العق) dan dari segi bahasa, bermaksud potong. Pada asalnya, akikah ialah nama bagi rambut bayi ketika lahir. Rambut tersebut dinamakan demikian kerana ia dicukur atau dipotong. Akikah dari segi syarak ialah binatang yang disembelih sempena rambut bayi dicukur. Sembelihan tersebut dinamakan akikah kerana ia dipotong dan dilapah. Justeru, perkataan akikah itu sunat disebut ibadah akikah atau sembelihan akikah.

Hukum melaksanakan ibadah akikah ialah sunat muakkad. Tuntutan sunat ini adalah ditujukan kepada orang-orang yang wajib menafkahkan hartanya kepada orang yang di bawah tanggungannya. Oleh itu, wali yang menanggung bayi tersebut dituntut melakukannya kerana mengikut perbuatan Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Hal ini adalah berdasarkan hadis:

“مع الغلام عقيقته فأهريقوا عنه دماً وأميطوا عنه الأذى”

Maksudnya: *“Bersama-sama kelahiran bayi ada akikahnya. Oleh itu, tumpahkanlah darah akikah bagi pihaknya dan buanglah kekotoran dan najis daripadanya.”*

(Hadis Riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no. 5472)

Manakala, waktu melaksanakan ibadah akikah adalah bermula setelah keluarnya anak dari ibunya sehingga tempoh akil baligh. Ini bermaksud tuntutan pelaksanaan akikah dari walinya, seperti ayah dan yang lainnya gugur setelah usia anak tersebut memasuki usia akil baligh. Namun sekiranya tidak dilaksanakan pada tempoh tersebut, maka anak itu boleh melakukan akikah untuk dirinya sendiri sebagai ganti.

Berbalik kepada persoalan di atas, bagi akikah orang yang telah meninggal dunia namun tidak sempat melaksanakan akikah ketika masih hidup sama ada oleh walinya atau dirinya sendiri, maka tuntutan untuk melaksanakan akikah adalah luput dan tidak dituntut. Oleh itu, hukum melaksanakan akikah bagi ibu bapa yang telah meninggal dunia adalah tidak dituntut sekiranya mereka tidak berwasiat dengannya. Hal ini kerana syariat antara akikah dan korban adalah hampir sama di mana tidak sah dilakukan korban untuk orang yang telah meninggal dunia jika dia tidak berwasiat dengannya.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa akikah merupakan ibadah yang dianjurkan bagi ibu bapa sebagai tanda kesyukuran atas kelahiran anak. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat halangan dalam melaksanakannya, maka tidaklah berdosa kerana hukum asal ibadah akikah itu adalah sunat muakkad.

